

Negara Malaysia

# Doktor2 digesa patuhi seruan PM

**KUALA LUMPUR, Selasa** — Doktor yang berkhidmat dengan kerajaan mestilah mematuhi seruan Perdana Menteri agar mereka lebih bekerja kuat daripada bercakap tentang gaji mereka.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Haji Talib Latiff berkata, doktor-doktor kerajaan adalah kakitangan awam dan mereka hendaklah mematuhi dasar kerajaan dan bekerja untuk rakyat.

Bellau mengulas padangan Peratuan Perubatan Malaysia (MMA) meminta kerajaan membenarkan doktor dalam perkhidmatan membuat kerja sambilan bagi menambah pendapatan mereka.

MMA mendakwa dengan membenarkan mereka membuat kerja sambilan, kerajaan dapat mengekalkan doktor dalam perkhidmatan awam.

Dr. Haji Talib berkata, adalah sukar untuk memastikan sistem seumpama itu dapat menghalang mereka daripada berhenti berkhidmat dengan kerajaan.

"Lagipun bukan soal gaji sahaja yang menyebabkan doktor-doktor berhenti berkhidmat dengan kerajaan," tambahnya.

Mengenai seruan MMA supaya Kementerian Kesihatan menimbang sedalam-dalamnya cadangan itu sebelum mengatakannya tidak munasabah, Dr. Haji Talib berkata, "setakat ini kami belum menerima sebarang cadangan rasmi dari MMA" dan memberi jaminan akan mengkaji perkara itu "sekliranya kami menerima cadangan rasmi dari MMA itu." — Bernama.